



LAPORAN TAHUNAN | 2006

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

مجلس ائام اسلام ولايه فرسكتوان



LAPORAN TAHUNAN 2006



KANDUNGAN

PERUTUSAN

Pengerusi MAIWP	6
Setiausaha MAIWP	7

MAKLUMAT ORGANISASI

Latar Belakang Penubuhan MAIWP	10
Keahlian MAIWP	11
Carta Organisasi Pengurusan MAIWP	15
Objektif dan Strategi MAIWP	16
Urus Setia MAIWP	17

LAPORAN PENERUSI MAIWP

Pendapatan	20
Perbelanjaan	20
Perjawatan	21
Program agihan zakat	21
Pendidikan	23
Pengurusan masjid dan surau	24
Program pembangunan insan	24
Kegiatan dakwah	25
Pengurusan harta wakaf dan pusaka	26
Penguatkuasaan	26
Pendakwaan	26
Pengubahsuaian bangunan milik MAIWP	27
Pelaburan	27
Syarikat milik MAIWP	28

LAPORAN KEWANGAN MAIWP

Sijil Ketua Audit Negara	32
Penyata Kewangan MAIWP	36

LAPORAN JAWATANKUASA MAIWP

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	82
Jawatankuasa Baitulmal	83
Jawatankuasa Induk Melihat Anak Bulan Wilayah Persekutuan	84
Jawatankuasa Pembangunan Dan Pelaburan	86
Jawatankuasa Pentadbir Penasihat Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)	87
Jawatankuasa Meneliti Dan Mengkaji Perkembangan Kes Harta Wakaf / Pusaka Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy (ADD)	88
Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan	89
Jawatankuasa Peguam Syarie	90
Jawatankuasa Agihan	92
Jawatankuasa Audit Dalam	94
Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	95
Jawatankuasa Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam	96

INFORMASI

Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP	100
Syarat Umum Penerima Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP	100
Pengiraan Had al-Kifayah	101
Takrif Asnaf	101
Projek Pembangunan MAIWP	103
Hartanah Wakaf Milik MAIWP	104
Syarikat-Syarikat MAIWP	105
Senarai Masjid di Wilayah Persekutuan Tahun 2006 Yang Diuruskan Oleh MAIWP Melalui JAWI	106
Kesalahan Yang kerap Dilakukan di Bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]	108
Kesalahan-Kesalahan Yang kerap Dilakukan di Bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]	109

STATISTIK

Carta 1: Pecahan Pendapatan MAIWP 2006	112
Carta 2: Pecahan Perbelanjaan MAIWP 2006	112
Carta 3: Pendapatan MAIWP 2002-2006	113
Carta 4: Perbelanjaan MAIWP 2002-2006	113
Carta 5: Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat MAIWP 2002-2006	114
Carta 6: Agihan Zakat MAIWP Mengikut Asnaf 2002-2006	114

RENTETAN PERISTIWA 2006

Peristiwa-Peristiwa Penting	116
Keratan Akhbar	120

PERUTUSAN



“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

(Surah an-Nisa': Ayat 59)

PERUTUSAN

Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP Pengerusi
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



Assalamualaikum w.b.t.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kerana telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan MAIWP bagi tahun 2006 yang memuatkan mengenai pencapaian, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai serta program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006.

Pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia merupakan satu pendekatan pembangunan ummah yang mana ianya dilaksanakan

melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek kehidupan. Ianya dapat dilihat melalui 10 prinsip yang digariskan di bawah Pendekatan Islam Hadhari yang mana setiap prinsip tersebut diadun dengan unsur spiritual di samping aspek keperluan duniawi.

Pendekatan Islam Hadhari ini mencakupi semua aspek kehidupan dan aktiviti semasa umat Islam masa kini. Sebagai contoh, usaha MAIWP dalam meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat Islam melalui program bantuan zakat, penyediaan infrastruktur yang menjadi keperluan semasa umat Islam, program-program kerohanian serta banyak lagi bertepatan dengan prinsip-prinsip yang diperkenalkan oleh Pendekatan Islam Hadhari.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua umat Islam khususnya warga MAIWP agar dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan penuh keikhlasan agar sumbangan kita ini akan turut membolehkan objektif Pendekatan Islam Hadhari tercapai.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada MAIWP di atas usaha dan khidmat cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun 2006. Moga usaha ini akan terus berkekalan dan mendapat ganjaran di sisi Allah s.w.t.

DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Merangkap Pengerusi
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

PERUTUSAN

Y.BHG. DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
MERANGKAP SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinan dan kekuatan yang dikurniakan oleh-Nya, Buku Laporan Tahunan MAIWP 2006 berjaya diterbitkan seperti yang telah dirancang. Laporan tahunan ini akan dapat dijadikan sebagai rujukan bukan sahaja kepada masyarakat umum malah kepada warga MAIWP sendiri sebagai rujukan bagi menilai prestasi pencapaian sepanjang 2006.

Sepanjang tahun 2006, MAIWP terus mengorak langkah melaksanakan aktiviti dan program yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Secara umumnya, ianya telah dilaksanakan dengan jayanya hasil komitmen dan usaha keras warga MAIWP.

Di antara kejayaan yang telah dicapai oleh MAIWP pada tahun ini adalah peningkatan jumlah agihan dan perbelanjaan zakat kepada 8 golongan asnaf. Kejayaan ini adalah merupakan

hasil usaha MAIWP yang telah meningkatkan jumlah kadar bantuan dan mempelbagaikan bentuk bantuan zakat yang boleh diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Pada tahun ini juga, MAIWP telah berjaya mencatat rekod baru dalam "The Malaysia Book of Records" melalui kejayaan penganjuran Program Akad Nikah dan Majlis Meraikan Pasangan Pengantin Secara Berkelompok 2006. Kejayaan ini bukanlah satu perkara yang ingin dibanggakan tetapi untuk membuktikan kepada umum bahawa sebuah agensi Islam juga mampu untuk menganjurkan program besar sama seperti agensi-agensi lain.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai persepsi dan pandangan pihak-pihak lain di atas

usaha yang telah dilaksanakan oleh MAIWP. Namun begitu, ingin dinyatakan di sini bahawa matlamatnya adalah satu iaitu untuk membangun dan meningkatkan taraf sosial dan ekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Justeru, diharapkan semua warga MAIWP akan menjadi lebih proaktif dan menunjukkan komitmen yang jitu serta melaksanakan tanggungjawab dengan amanah bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan oleh MAIWP adalah berkualiti seterusnya secara tidak langsung akan membantu menaikkan imej agama Islam itu sendiri.

Sekian.

DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
merangkap Setiausaha
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN MAIWP KEPADA AGENSI-AGENCI KEBAJIKAN



MAKLUMAT ORGANISASI



“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.”

(Surah Ali Imran: Ayat 103)

MAKLUMAT ORGANISASI

LATAR BELAKANG PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa :

“Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam”

Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505] memperuntukkan bahawa:-

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam”

Seksyen 31, Akta 505 memperuntukkan:-

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”

KEAHLIAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) TAHUN 2006



PENGERUSI MAIWP

Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin



TIMBALAN PENGERUSI MAIWP

Y.Bhg. Dato' Mustafa bin Abdul Rahman



EX-OFFICIO

Y.M. Dato' Raja Hydar bin Raja Iskandar



EX-OFFICIO

Y.Bhg. Tuan Haji Mohamed Sekeri bin Mamat



EX-OFFICIO

S.S. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh



EX-OFFICIO

Y.Bhg. Datuk Ab. Hakim bin Borhan



AHLI

Y.A.A. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman



AHLI

Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Saad



AHLI

Y.B. Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman



AHLI

Y. Bhg. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad



AHLI

Y.Bhg. Puan Sri Rajmin binti Rashid

**AHLI**

Y.Bhg. Datuk Haji Abd. Manaf bin Haji Ahmad

**AHLI**

Y.Bhg. Datuk Haji Abu Hassan bin Din Al-Hafiz

**AHLI**

Y.Bhg. Dato' Mohamad bin S. Ahmad

**AHLI**

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani

**AHLI**

Y.Bhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Othman

**AHLI**

Y.Bhg. Dato' Haji Dangiran bin Haji Mustapa



AHLI

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Nasir bin Omar



AHLI

Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Zakri bin Haji Hussin



AHLI

Y.Bhg. Datuk Hisham bin Abd Majid



AHLI


Y.Bhg. Encik Sahar bin Othman



SETIAUSAHA

Y.Bhg. Dato' Haji Che Mat bin Che Ali

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



OBJEKTIF MAIWP

- ❁ Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- ❁ Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- ❁ Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- ❁ Melaksanakan usaha-usaha menambah harta Majlis melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

STRATEGI MAIWP

- ❁ Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- ❁ Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- ❁ Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- ❁ Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- ❁ Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- ❁ Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- ❁ Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- ❁ Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

URUS SETIA MAIWP

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) merupakan satu jabatan yang berkait rapat dengan MAIWP. Hubungan di antara dua agensi ini dapat dilihat melalui MAIWP sebagai penggubal dasar dan JAWI sebagai urusetia atau pelaksana kepada dasar yang telah diputuskan oleh MAIWP. MAIWP ditadbir oleh seorang Setiausaha yang mana jawatan ini disandang oleh mana-mana individu yang dilantik sebagai Pengarah JAWI. Ianya berdasarkan Seksyen 14(1) dan 14(2), Akta 505 yang memperuntukkan bahawa:

Seksyen 14(1), Akta 505 :

"Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah menjadi Setiausaha Majlis."

Seksyen 14(2), Akta 505:

"Setiausaha hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis."



MAJLIS SILATURRAHIM Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA Y.B. MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN



LAPORAN PENGERUSI MAIWP



“Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.”
(Surah at-Taubah :Ayat 105)

LAPORAN PENGGERUSI

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya, kita masih lagi diberi kekuatan oleh Allah s.w.t. untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita. Di atas kekuatan yang dikurniakan oleh-Nya, maka MAIWP pada tahun ini sekali lagi telah dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Walaupun pada tahun ini terdapat beberapa isu yang dikaitkan dengan MAIWP, namun ianya tidak mengganggu dan menjejaskan tumpuan MAIWP khususnya dalam membantu dan membangunkan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Tahun 2006 merupakan tahun permulaan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 31 Mac 2006. RMK-9 merupakan rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu negara kita ke arah mencapai Wawasan 2020.

Usaha membasmi kemiskinan merupakan antara usaha yang diberi penekanan di bawah RMK-9. Ianya adalah bagi mengatasi masalah ketidaksamaan sosioekonomi dan memastikan semua lapisan masyarakat tidak ketinggalan dalam arus pembangunan yang bakal dibawa oleh RMK-9. Bagi tujuan ini, sudah tentunya MAIWP merasa terpenggil bagi menyahut seruan kerajaan ini. MAIWP pada tahun ini telah menambahkan lagi skim bantuan zakat di Baitulmal dan telah menaikkan kadar bantuan yang akan diagihkan kepada mereka yang layak. Melalui usaha yang diambil oleh MAIWP ini, maka golongan fakir, miskin dan yang kurang bernasib baik akan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Usaha yang diambil oleh MAIWP ini sedikit sebanyak akan dapat membantu usaha agensi-agensi peneraju di bawah RMK-9 seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain lagi.

MAIWP juga telah merancang untuk membangunkan sebuah sekolah menengah agama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2007. Ianya adalah selaras dengan hasrat kerajaan di bawah RMK-9 untuk melahirkan modal insan yang berkualiti yang

mana ilmu pengetahuan menjadi elemen penting bagi mencapai tujuan tersebut.

Kekuatan dana dan sumber kewangan merupakan antara faktor utama dalam memastikan kejayaan setiap usaha dan perancangan MAIWP. MAIWP amat bertuah kerana berada di bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi pusat tumpuan aktiviti ekonomi dan pembangunan yang pesat. Faktor ini telah menjadi penyumbang kepada peningkatan pendapatan MAIWP dari tahun ke tahun.

PENDAPATAN

Pada tahun 2006, MAIWP berjaya memperolehi jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM158,396,533. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 14.2% berbanding jumlah pendapatan MAIWP 2005 (selepas pelarasan) iaitu RM138,657,017. Seperti tahun-tahun sebelumnya, sumber pendapatan terbesar MAIWP adalah datangnya daripada Kumpulan Wang Zakat yang mana pada tahun ini ianya mencatat pendapatan sebanyak RM148,768,851 iaitu 93.9% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MAIWP. Peningkatan pendapatan Kumpulan Wang Zakat adalah disumbang oleh peningkatan kutipan zakat yang dilaksanakan oleh amil korporat MAIWP iaitu Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP.

Sumber pendapatan kedua terbesar MAIWP pula adalah datangnya daripada hasil sewaan yang menyumbang RM5,471,352, diikuti keuntungan daripada akaun pelaburan berjumlah RM4,156,330 dan pendapatan-pendapatan lain berjumlah RM12,823,654.

PERBELANJAAN

Pada tahun ini, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM108,410,944, peningkatan sebanyak 26.9% berbanding tahun 2005 (selepas pelarasan) iaitu RM79,221,890. Jumlah tersebut merangkumi perbelanjaan agihan zakat sebanyak RM79,447,465 dan perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan sebanyak RM28,963,479.

PERJAWATAN

MAIWP sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap keperluan semasa tenaga kerja di MAIWP. Tenaga kerja yang mencukupi amat penting bagi memastikan pengagihan tugas dapat dilakukan dengan sempurna dan seterusnya menjamin kualiti perkhidmatan yang terbaik. Menyedari keperluan ini, sebanyak 134 jawatan baru telah diluluskan oleh Mesyuarat MAIWP sepanjang tahun 2006.

Sehingga akhir tahun 2006, bilangan kakitangan MAIWP adalah seramai 334 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (78 orang), Kumpulan Sokongan 1 (26 orang) dan Kumpulan Sokongan 2 (230 orang). Daripada jumlah itu, terdapat sebahagian daripada kakitangan MAIWP ditempatkan di bahagian-bahagian di bawah JAWI seperti di Bahagian Pelajaran, Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Darul Quran dan lain-lain lagi.

Bagi tahun 2006 sahaja, sebanyak 88 pengambilan baru telah dibuat oleh MAIWP dan ditempatkan di bahagian-bahagian yang terdapat keperluan tenaga kerja tambahan. Walau bagaimanapun, seramai 29 orang kakitangan telah menamatkan perkhidmatan di atas pelbagai faktor seperti faktor peribadi, mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik dan lain-lain lagi.

Keseluruhan kakitangan MAIWP adalah berstatus kontrak yang akan diperbaharui setiap 2 tahun. Namun begitu, MAIWP sedang giat berusaha bagi memohon jawatan tetap daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). MAIWP berharap agar permohonan ini diluluskan oleh JPA yang mana ianya akan dapat membantu mengurangkan kadar keluar masuk kakitangan di samping memberi dorongan dan motivasi kepada kakitangan MAIWP dalam memberi yang terbaik di dalam perkhidmatan.

PROGRAM AGIHAN ZAKAT

MAIWP melalui Bahagian Baitulmal telah merancang dan menyusun pelbagai inisiatif untuk mengagihkan wang zakat kepada masyarakat Islam yang layak. Usaha-usaha ini sentiasa digiatkan dan dipertingkatkan dari tahun ke tahun bagi memastikan wang zakat tersebut diagihkan seoptimum dan semaksimum yang mungkin seterusnya membolehkan setiap umat Islam yang kurang bernasib baik terutamanya di Wilayah Persekutuan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Program agihan zakat di MAIWP dilaksanakan melalui skim-skim agihan zakat yang terdapat di Baitulmal, MAIWP. Skim-skim tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Bantuan Kewangan Bulanan
2. Bantuan Dermasiswa
3. Bantuan Perniagaan
4. Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
5. Bantuan Membina / Membaiki Rumah dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
6. Bantuan Tambang Dalam / Luar Negeri (Ibnu-Sabil)
7. Bantuan Kecemasan
8. Bantuan Al-Riqab
9. Bantuan Am Pelajaran Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
10. Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)
11. Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan & Institusi Pendidikan
12. Bantuan Ramadhan
13. Bantuan Perubatan
14. Bantuan Perkahwinan
15. Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan
16. Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
17. Bantuan Musibah
18. Biasiswa Baitulmal (Skim Bantuan Baru)
19. Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan (Skim Bantuan Baru)
20. Bantuan Tuisyen (Skim Bantuan Baru)

21. Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran (Skim Bantuan Baru)
22. Bantuan Pertanian (Skim Bantuan Baru)
23. Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah (Skim Bantuan Baru)
24. Bantuan Deposit Membeli Motorsikal Roda Tiga Untuk OKU (Skim Bantuan Baru)
25. Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI (Skim Bantuan Baru)
26. Bantuan Guaman Syarie (Skim Bantuan Baru)

Melalui skim-skim di atas, pemohon bantuan zakat akan diberi bantuan secara terus oleh MAIWP dalam bentuk wang tunai, kelengkapan dan peralatan termasuk kenderaan, alatan perubatan dan lain-lain lagi. Jumlah bantuan yang akan diberikan adalah tertakluk kepada skim-skim bantuan tersebut dan pengiraan had al-Kifayah.

Had al-Kifayah adalah pengiraan anggaran had secukup hidup sebulan bagi setiap individu di Wilayah Persekutuan. Pengiraan ini digunakan untuk menentukan tahap kemiskinan penerima bantuan zakat. Penyediaan anggaran had ini adalah berdasarkan 6 keperluan asasi iaitu tempat perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan.

Skim bantuan zakat Baitulmal MAIWP dan kadar had al-Kifayah sentiasa disemak dan dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya memenuhi keperluan semasa masyarakat. Pada tahun ini, MAIWP telah

menambah sebanyak 9 skim bantuan baru menjadikan jumlah keseluruhan skim bantuan zakat di Baitulmal, MAIWP sebanyak 26 skim berbanding tahun sebelum ini iaitu sebanyak 17 skim. Kadar had al-Kifayah bagi setiap keperluan asasi juga telah dikaji semula dan telah dinaikkan kepada kadar yang lebih tinggi.

Pada tahun ini, pelbagai kejayaan telah ditempa oleh MAIWP melalui program agihan zakat ini. MAIWP pada tahun ini telah berjaya mencatat rekod baru di dalam "The Malaysia Books Of Records" berdasarkan kejayaannya dalam penganjuran Program Akad Nikah dan Majlis Meraikan Pasangan Pengantin Secara Beramai-ramai 2006. Pada majlis ini, seramai 192 pasangan telah diijabkabulkan secara serentak di Masjid Wilayah Persekutuan dan majlis ini telah diiktiraf sebagai "The Largest Akad Nikah Ceremony".

Dalam aspek pendidikan pula, MAIWP telah berjaya menaja seramai 50 orang di bawah skim bantuan baru yang diperkenalkan iaitu Biasiswa Baitulmal. Melalui skim ini, segala kos pengajian dari awal hingga tamat pengajian akan dibiayai oleh MAIWP dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

Pada tahun 2006, MAIWP telah mengagihkan sebanyak RM79,447,465 kepada lapan golongan asnaf seperti yang digariskan oleh Islam. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 31.7% berbanding tahun 2005 (selepas pelarasan) iaitu RM60,323,912.

JADUAL 1:
PENGAGIHAN ZAKAT MAIWP 2006 MENGIKUT ASNAF

NO.	ASNAF	AGIHAN ZAKAT	
		2006	2005 (Selepas Pelarasan)
1.	Fakir	14,751,940	10,923,732
2.	Miskin	13,687,577	12,659,567
3.	Amil	12,074,597	10,607,044
4.	Muallaf	3,125,697	2,310,647
5.	Al-Gharimin	1,399,151	612,467
6.	Ibnu Sabil	341,103	165,512
7.	Fisabilillah	34,067,400	23,044,944
8.	Ar-Riqab	-	-
	JUMLAH	79,447,465	60,323,913

PENDIDIKAN

MAIWP amat menekankan kepentingan pendidikan sebagai salah satu teras penting dalam membawa masyarakat Islam ke tahap yang lebih baik. Pembangunan program pendidikan yang dilaksanakan oleh MAIWP meliputi pendidikan agama, kemahiran dan profesional.

Penerapan dan pembelajaran ilmu agama seperti ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah perlu diterapkan seawal usia kanak-kanak lagi. Ianya amat penting dalam membantu melahirkan golongan belia yang berakhlak mulia. Bagi merealisasikan hasrat ini, MAIWP melalui JAWI telah menubuhkan sebanyak 74 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) dan 72 buah Tadika Islam. Pada tahun 2006, bilangan pelajar di SRA adalah seramai 41,507 orang manakala di Tadika Islam terdapat seramai 6,078 orang murid. Di samping itu juga, JAWI turut mengadakan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang mana sehingga akhir tahun 2006, terdapat seramai 11,852 orang murid yang mengikuti kelas pengajian tersebut.

Demi untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat peluang pendidikan yang sama, MAIWP telah membantu kanak-kanak dari keluarga yang kurang berkemampuan melalui pemberian bantuan zakat seperti bantuan pelajaran, bantuan peralatan persekolahan dan banyak lagi. Bagi menanam kesungguhan dan keyakinan dalam diri pelajar-pelajar tersebut, MAIWP telah mengadakan kursus-kursus motivasi kepada mereka. Hasilnya, bilangan pelajar yang memperolehi pangkat 1 di dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) telah meningkat sebanyak 14% berbanding tahun 2005.

Pada tahun 2006, MAIWP telah membelanjakan wang zakat hampir RM7.8 juta kepada SRA dan Tadika-tadika Islam bagi menampung perbelanjaan pengurusan, pelaksanaan program dan aktiviti, pembayaran elaun guru dan lain-lain lagi.

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan bertujuan memberi latihan kemahiran secara percuma kepada golongan fakir, miskin dan muafak dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan. Mereka yang terpilih untuk mengikuti pengajian di IKB akan diberi elaun bulanan sebanyak RM250 di samping yuran pengajian percuma, kemudahan penginapan dan pakaian seragam. Pada tahun 2006, seramai 151 orang pelatih mengikuti pengajian di IKB dalam 5 bidang yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

JADUAL 2: PECAHAN PELATIH IKB 2006

NO.	KURSUS	BILANGAN PELATIH
1.	Rekaan Fesyen & Pembuat Pakaian	73
2.	Senilukis & Senireka	22
3.	Perkhidmatan & Penyajian Makanan	21
4.	Kejuruteraan Elektrik	19
5.	Teknologi Binaan Bangunan	16
JUMLAH		151

Dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Kolej Kejuruteraan PUSRAWI ditubuhkan oleh MAIWP bagi pengajian peringkat tinggi dan profesional. IPB dan Kolej Kejuruteraan PUSRAWI masing-masing dikendalikan oleh syarikat milik MAIWP iaitu Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. dan Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd.



PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Pengurusan masjid yang baik menjadi keutamaan oleh MAIWP demi memastikan ianya mampu dimanfaatkan bagi pembangunan ummah di samping mewujudkan suasana yang selesa untuk beribadah. Sehingga akhir tahun 2006, MAIWP melalui JAWI menguruskan sebanyak 60 buah masjid di Wilayah Persekutuan iaitu 48 buah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 buah di Wilayah Persekutuan Labuan. Kos pengurusan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan ini ditanggung menggunakan dana MAIWP dan geran kerajaan. Pada tahun 2006, sebanyak RM2.92 juta daripada peruntukan MAIWP telah dibelanjakan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang meliputi perbelanjaan pengendalian program, bayaran elaun dan saguhati petugas serta ahli jawatankuasa masjid. Selaras dengan strategi MAIWP untuk menyediakan kemudahan tempat beribadah yang secukupnya, sehingga akhir tahun 2006 sebanyak 2 buah masjid telah berjaya disiapkan iaitu Masjid Al-Qurtubi, Taman Segambut dan Masjid Al-Zakirin, Taman Wilayah, Selangor.

Surau-surau yang ditubuhkan di Wilayah Persekutuan perlu didaftarkan dengan JAWI. Sehingga tahun 2006, sebanyak 470 buah surau telah didaftarkan dengan JAWI. Daripada jumlah tersebut, 44 buah surau dikategorikan sebagai surau berjumaat. Surau berjumaat adalah surau yang diberi kebenaran oleh MAIWP untuk mendirikan sembahyang Jumaat yang mana kebenaran tersebut diberikan setelah Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan meluluskannya.



PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

Program pembangunan insan dilaksanakan MAIWP melalui Kompleks Perlindungan Masyarakat Islam Dar As-Saadah dan Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah.

Kompleks Perlindungan Masyarakat Islam Dar As-Saadah merupakan kompleks kebajikan masyarakat Islam milik MAIWP yang mula beroperasi pada tahun 2000. Kompleks ini menyediakan kemudahan perlindungan sementara kepada 3 kategori utama penghuni; iaitu wanita atau gadis yang bermasalah, keluarga bermasalah dan saudara baru.

Di samping menyediakan kemudahan perlindungan, para penghuni Kompleks ini turut diberi latihan ilmu-ilmu fardhu ain dan latihan-latihan kemahiran seperti jahitan, masakan dan kraf tangan.

Peruntukan sebanyak RM1.88 juta telah diberikan kepada Kompleks ini bagi menampung segala perbelanjaan pengurusan pada tahun 2006. Peruntukan ini terdiri daripada peruntukan Zakat dan Sumber Am, Geran Kerajaan Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam (KKMI) dan Geran Dar As-Saadah.

Pihak pengurusan Kompleks ini sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan penghuni yang keluar dari Kompleks ini menjadi seorang insan yang berakhlak, berdikari dan berguna kepada masyarakat. Pada tahun ini, seramai 4 orang penghuni wanita telah berjaya dipulihkan sepenuhnya dan telah diterima masuk ke IKB bagi mengikuti kelas kemahiran.



JADUAL 3 :
BILANGAN PENGHUNI KOMPLEKS PERLINDUNGAN
MASYARAKAT ISLAM DAR AS-SAADAH TAHUN 2006

NO.	KATEGORI	BILANGAN
1.	Wanita / Gadis bermasalah	45 orang
2.	Keluarga bermasalah	16 keluarga
3.	Saudara baru	13 orang

Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah telah mula beroperasi pada tahun 1993 dan menyediakan kemudahan perlindungan kepada anak-anak yatim, anak-anak dari keluarga miskin dan keluarga yang bercerai serta saudara-saudara baru. Pada tahun 2006, Kompleks ini menempatkan seramai 179 orang penghuni yang terdiri daripada 81 orang lelaki dan 98 orang perempuan.

Perbelanjaan bagi pelajaran, kesihatan dan pakaian penghuni-penghuni di Kompleks ini turut ditanggung oleh MAIWP. Pada tahun 2006, MAIWP telah memperuntukkan sebanyak RM2.1 juta bagi perbelanjaan pengurusan Kompleks ini yang terdiri daripada dana wang zakat, khas dan geran.

Pelbagai program / aktiviti telah diatur oleh pihak pengurusan Kompleks ini sepanjang tahun 2006 bertujuan membolehkan penghuninya bergiat aktif dan menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan yang bakal dimanfaatkan apabila mereka keluar dari Kompleks ini kelak.

JADUAL 4 :
BILANGAN PENGHUNI
KOMPLEKS ANAK YATIM DARUL KIFAYAH TAHUN 2006

NO.	KATEGORI	BILANGAN
1.	Yatim	75
2.	Yatim Piatu	4
3.	Miskin	92
4.	Saudara Baru	8
	JUMLAH	179

KEGIATAN DAKWAH

Mempelbagai dan memperbanyakkan aktiviti dakwah menjadi antara strategi MAIWP dalam melahirkan masyarakat Islam yang bersahsiah tinggi dan berakhlak mulia khususnya di Wilayah Persekutuan. Gerak kerja dakwah yang teratur dan berkesan akan dapat membantu mengurangkan kadar keruntuhan akhlak umat Islam seterusnya membantu mengurangkan kadar kesalahan jenayah syariah. Usaha dakwah ini dilaksanakan melalui JAWI yang mana sejumlah RM0.85 juta daripada Kumpulan Wang Zakat telah diperuntukkan oleh MAIWP untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti dan program-program dakwah yang dijalankan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM0.71 juta atau 84% telah berjaya dibelanjakan. Selain wang zakat, JAWI turut mendapat geran kerajaan sebanyak RM0.73 juta yang mana daripada jumlah tersebut, 56% atau RM0.41 juta telah berjaya dibelanjakan.

Pelbagai aktiviti dan program dakwah telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006. Di samping program-program tahunan seperti sambutan Maal Hijrah dan Majlis Tilawah Al-Quran, aktiviti dakwah yang menumpukan kepada golongan tertentu seperti remaja, mak nyah, orang kurang upaya turut diadakan. Ianya bertujuan memberi motivasi, kesedaran dan keinsafan kepada golongan tersebut dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.

Pada masa yang sama, golongan saudara baru turut diberi perhatian yang khusus dan serius oleh MAIWP. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan bagi memantapkan akidah dan pegangan golongan ini. Aktiviti dan program yang diadakan kepada golongan ini adalah di dalam bentuk kursus, ceramah motivasi, majlis berbuka puasa, kaunseling dan banyak lagi yang menumpukan kepada perkara-perkara fardhu ain dan menambahkan kecintaan serta keyakinan terhadap Islam. Sepanjang tahun 2006, seramai 517 orang telah memeluk agama Islam di Wilayah Persekutuan.

PENGURUSAN HARTA WAKAF DAN PUSAKA

MAIWP merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf yang diwakafkan oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan. Di samping itu juga, MAIWP turut menguruskan hartanah pusaka yang terhak kepada MAIWP. Pengurusan harta wakaf dan pusaka tersebut diuruskan oleh Unit Wakaf dan Sumber Am yang diletakkan di bawah Bahagian Baitulmal.

Sehingga akhir tahun 2006, MAIWP menguruskan sebanyak 16 hartanah wakaf yang terdiri daripada rumah kediaman, lot kedai dan tanah-tanah kosong. Kebanyakan hartanah tersebut disewakan dan pada tahun ini, MAIWP telah memperolehi hasil sewaan sebanyak RM241,740. Hasil sewaan terbesar adalah datangnya dari sewaan 2 lot tanah kosong iaitu Lot 168 dan 169, Jalan Perak dengan hasil sewaan tahunan sebanyak RM180,000.

Dua lot tanah tersebut adalah merupakan harta wakaf milik seorang saudagar India iaitu Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy. Hartanah tersebut telah diserahkan hak kepada MAIWP melalui “*vesting order*” yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 18 September 1991 setelah beliau meninggal dunia pada 24 Januari 1987 dan didapati tidak mempunyai waris. Di samping 2 lot tanah tersebut, MAIWP turut menjadi pemegang amanah kepada harta wakaf Allahyarham yang berbentuk saham dalam dan luar negeri serta wang tunai.

Selain itu juga, MAIWP turut menguruskan 2 lot rumah pusaka yang mana turut disewakan dan memberikan hasil sewa sebanyak RM12,600 pada tahun 2006.

PENGUATKUASAAN

Sepanjang tahun 2006, MAIWP melalui JAWI telah menerima sebanyak 1,165 aduan daripada orang awam berhubung kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 303 iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta 559 iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)

1997. Daripada jumlah tersebut, 604 aduan dicatat di bawah Akta 303 manakala 561 aduan lagi adalah di bawah Akta 559.

Di bawah Akta 303, perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah mencatat jumlah aduan terbesar dengan 395 kes diikuti kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan (191 kes), poligami tanpa kebenaran Mahkamah (18 kes) dan akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan (6 kes). Daripada 604 aduan yang diterima, sebanyak 627 siasatan telah dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan, JAWI. Bilangan siasatan yang melebihi jumlah aduan adalah disebabkan siasatan yang dilakukan melibatkan dua atau tiga pihak bagi satu-satu aduan.

Bagi Akta 559, kesalahan khalwat mencatat jumlah aduan terbesar dengan 449 kes diikuti kesalahan tidak menghormati Ramadhan (59 kes) dan persetubuhan luar nikah (28 kes). Daripada 561 aduan yang diterima, sebanyak 197 siasatan telah dilaksanakan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan jumlah siasatan kurang daripada jumlah aduan. Di antaranya ialah aduan yang diterima tidak lengkap dan ada di antara aduan yang dibuat tidak memerlukan kepada tindakan siasatan. Aduan-aduan yang telah lengkap disiasat akan dikemukakan kepada Bahagian Pendakwaan JAWI untuk didaftarkan sebagai kes sebut.

PENDAKWAAN

Pada tahun 2006, MAIWP melalui Bahagian Pendakwaan, JAWI telah mendaftarkan sebanyak 1,210 kes sebut bagi kesalahan di bawah Akta 303 dan 466 kes bagi kesalahan di bawah Akta 559. Di bawah Akta 303, kesalahan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah mencatat jumlah kes sebut yang paling tinggi iaitu sebanyak 728 kes diikuti kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan (230 kes) dan kesalahan poligami tanpa kebenaran mahkamah (105 kes).

Bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 559, kesalahan khalwat mencatat jumlah kes sebut yang paling tinggi iaitu

sebanyak 399 kes, diikuti kesalahan berjudi (23 kes) dan pelacuran (22 kes). Walau bagaimanapun, jumlah kes bagi kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta ini berada di tahap yang terkawal dengan jumlah kes tidak melebihi 10 kes.

Daripada 1,210 kes sebut yang didaftarkan di bawah Akta 303, sebanyak 467 kes berjaya diselesaikan manakala bagi kesalahan di bawah Akta 559, sebanyak 117 kes telah diselesaikan daripada 466 kes yang didaftarkan. Kes yang paling banyak diselesaikan di bawah Akta 303 adalah kes bagi kesalahan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah dengan 202 kes manakala di bawah Akta 559 kes di bawah kesalahan khalwat adalah merupakan yang paling banyak diselesaikan iaitu dengan 109 kes.

PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN MILIK MAIWP

Pada akhir tahun 2006, beberapa bahagian MAIWP telah berpindah dari Menara Pusat Islam, Jalan Perdana ke bangunan milik MAIWP iaitu Wisma Baitulmal yang terletak di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Perpindahan ini adalah bagi membolehkan JAWI menyediakan ruang yang secukupnya di Menara Pusat Islam bagi menampung pertambahan kakitangannya. Bahagian-bahagian yang terlibat dalam proses perpindahan ini adalah Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Baitulmal, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Unit Audit Dalam.

Ekoran perpindahan ini, bangunan Wisma Baitulmal yang sebelum ini disewakan kepada Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. telah mula diubahsuai bagi menyediakan ruang pejabat yang selesa dan sesuai kepada kakitangan MAIWP. Kerja-kerja pengubahsuaian ini dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2007.

Pada masa yang sama juga, satu lagi bangunan MAIWP iaitu Bangunan Daruzzakah yang terletak di Lorong Haji Hussein 2, Off Jalan Raja Muda turut diubahsuai.

Pengubahsuaian yang dilaksanakan adalah pengubahsuaian dalaman bangunan tersebut yang mana menelan belanja sebanyak RM0.88 juta. Kerja-kerja pengubahsuaian dari tingkat 3 hingga 6 bangunan ini dijangka mengambil masa selama 10 minggu dan dijangka siap pada awal tahun 2007. Setelah ianya siap diubahsuai, bangunan ini bakal menempatkan Bahagian Baitulmal yang mana dengan lokasi baru yang strategik ini akan memudahkan lagi pemohon bantuan zakat berurusan di kaunter-kaunter Baitulmal.

Pada tahun ini juga, MAIWP sedang giat menaik taraf satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama Othmaniah di Bandar Tun Razak, Cheras untuk dijadikan blok sementara Sekolah Menengah Agama MAIWP yang dijangka ditubuhkan pada awal tahun 2007. Kerja-kerja menaik taraf ini menelan belanja sebanyak RM0.61 juta dan melibatkan kerja-kerja bagi menyediakan bilik darjah, makmal komputer, perpustakaan dan bilik guru. Bagi menyediakan kemudahan penginapan kepada pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian di sekolah ini, MAIWP telah menyewa Wisma Balai Ikhtiar Malaysia (BIM) yang terletak berhampiran dengan sekolah tersebut untuk dijadikan sebagai asrama. Bangunan tersebut disewa pada harga RM24,000 sebulan dan sedang diubahsuai bagi menyediakan kemudahan sebagai sebuah asrama.

PELABURAN

Bagi meningkatkan sumber kewangan MAIWP dan mengembangkan dana zakat bagi faedah lapan asnaf, MAIWP telah membuat pelaburan di dalam skim-skim yang dibenarkan oleh Akta dan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Pelaburan saham oleh MAIWP terdiri daripada Saham Amanah, Saham Awam, Simpanan Tetap Perbankan Islam, Simpanan Tetap BIMB, Skim Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) serta pelaburan dalam syarikat-syarikat MAIWP.

**JADUAL 5 :
PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT MAIWP SEHINGGA DISEMBER 2006**

NAMA SYARIKAT	STATUS	JUMLAH SAHAM (RM)
Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd.	Aktif	200,000.00
Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.	Aktif	9,960,000.00
Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.	Aktif	3,500,000.00
Hartasuci Sdn. Bhd.	Aktif	1,000,000.00
Baitulmal Wilayah Zenith Battery Sdn. Bhd.	Dalam Proses Pembubaran	1,477,071.40
Pengangkutan Hartasuci Sdn. Bhd.	Dalam Proses Pembubaran	2.00
JUMLAH		16,137,073.40

Sehingga tahun 2006, jumlah keseluruhan pelaburan MAIWP adalah hampir RM121.19 juta. Pelaburan terbanyak adalah pelaburan dalam Simpanan Tetap Perbankan Islam iaitu sebanyak RM91.51 juta (termasuk dividen yang dilaburkan semula), diikuti pelaburan dalam anak-anak syarikat MAIWP yang masih aktif (RM14.66 juta), Skim Ar-Rahnu (RM10 juta), saham amanah (RM6.8 juta), saham awam (RM5.24 juta) dan Pelaburan Tetap BIMB (RM2.88 juta).

SYARIKAT MILIK MAIWP

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT MAIWP

Tahun 2006 menyaksikan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP sekali lagi membuktikan kemampuan dan keupayaannya dalam aktiviti kutipan zakat di Wilayah Persekutuan. Pada tahun ini, PPZ MAIWP berjaya mencatatkan peningkatan kutipan zakat sebanyak 13% berbanding tahun 2005 iaitu daripada RM126.7 juta kepada RM143.3 juta. Peningkatan ini adalah hasil daripada usaha proaktif PPZ MAIWP dalam mengembangkan aktiviti kutipan zakat. Di antara usaha terbaru yang telah diambil oleh PPZ MAIWP pada tahun 2006 bagi memudahkan lagi pembayaran zakat adalah menjalin kerjasama dengan Eon Bank Berhad yang mana 20 buah cawangan bank tersebut telah dilantik sebagai agen kutipan zakat.

Kejayaan yang telah dicapai oleh PPZ MAIWP telah mendapat pengiktirafan bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini terbukti apabila PPZ MAIWP telah dijemput untuk membentangkan

kertas kerja bertajuk "*Zakat: A Catalyst in Promoting Asnafs' Development : A Malaysian Experience*" yang telah diadakan di Islamabad, Pakistan sempena 3rd Association of Tax Authorities of Islamic Countries Technical Meeting.

Di samping menumpukan kepada operasi kutipan zakat, PPZ MAIWP tidak melupakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Sepanjang tahun 2006, sebanyak 7 program kemasyarakatan telah dilaksanakan oleh agensi ini. Di antara program yang telah dilaksanakan adalah Projek Tajaan Anak Yatim Pasca Tsunami di Banda Aceh dan Sigli yang mana bagi program ini, PPZ MAIWP telah menyumbang sebanyak RM0.34 juta.

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. yang telah memulakan operasinya sejak 10 Januari 1984 telah mencapai banyak kejayaan semenjak penubuhannya sehingga kini. Pada 22 November 2006, Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. telah dianugerahkan Sijil ISO 9001:2000 bagi Pengurusan Kejururawatan dan bidang yang berkaitan dengannya. Kejayaan ini berjaya membawa Hospital ini maju setapak ke hadapan dalam menyediakan rawatan kesihatan secara Islam yang setanding dengan perkhidmatan hospital-hospital lain.

Perpindahan ke bangunan baru iaitu Lot 149 Jalan Tun Razak pada 16 Januari 2006 adalah antara usaha Hospital ini dalam menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan moden. Bangunan baru ini menyediakan peralatan perubatan moden yang bernilai RM23 juta dengan jumlah bilangan katil sebanyak 197 buah.



Hasil daripada perpindahan ini, bilangan pesakit dalam telah meningkat kepada 10,964 orang iaitu pertambahan seramai 1,543 orang pesakit berbanding 9,431 orang pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan pesakit luar menurun sebanyak 11,174 orang kepada 210,254 orang pada tahun 2006. Namun begitu penurunan ini tidak menjejaskan jumlah pendapatan Hospital ini kerana kes-kes yang dikendalikan adalah lebih rumit dan melibatkan caj-caj yang lebih tinggi.

INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (IPB) ditubuhkan bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar Islam mengikuti program profesional dan separa profesional. Di samping itu juga, penubuhannya bertujuan memberi tempat kepada pelajar-pelajar Islam yang gagal melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pada tahun 2006, jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti pengajian di IPB adalah seramai 1,751 orang, iaitu pertambahan seramai 341 orang pelajar berbanding tahun 2005. Di samping itu juga, pada tahun ini IPB berjaya melahirkan 551 orang graduan dalam pelbagai jurusan. Pencapaian cemerlang yang telah dicapai oleh IPB dari

tahun ke tahun telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Sepanjang tahun 2006, IPB berjaya meraih sebanyak 6 anugerah berikut:

1. Kolej Bersekutu Terbaik oleh Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
2. Peratus Tertinggi Anugerah Dekan, UiTM
3. Anugerah Naib Cancellor Kursus Diploma Pengajian Perniagaan UiTM
4. Anugerah Naib Cancellor Kursus Diploma Perakaunan, UiTM
5. Anugerah *World Silver Medal* Bagi Matapelajaran Business Calculations
6. Anugerah *The Association of Chatered Certified Accountants (ACCA)-CAT Subject Achiever*

Pelajar-pelajar IPB yang datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan adalah layak memohon biasiswa daripada Baitulmal, MAIWP. Sepanjang tahun 2006, seramai 1,012 orang daripada keseluruhan pelajar di IPB mendapat bantuan biasiswa daripada Baitulmal, MAIWP. Di samping bantuan Baitulmal, mereka juga boleh memohon penajaan daripada agensi-agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan lain-lain lagi.



**JADUAL 6 :
GRADUAN IPB TAHUN 2006**

NO.	JURUSAN / PROGRAM	JUMLAH GRADUAN
1.	Diploma Perakaunan	59
2.	Diploma Pengajian Perniagaan	114
- ❁ Mengawal secara am pentadbiran, pengurusan, kesejahteraan dan disiplin penghuni.

- ☪ Memberi pendidikan asas agama kepada kanak-kanak.
- ☪ Melahirkan generasi yang seimbang antara keperluan rohani dan jasmani.

KEANGGOTAAN

NO.	JAWATAN	ANGGOTA
1.	Pengerusi	Dato' Mohamad bin S. Ahmad Ahli MAIWP
2.	Ahli	Dato' Haji Che Mat bin Che Ali Setiausaha MAIWP
		Puan Sri Rajmin binti Rashid Ahli MAIWP
		Encik Ahmed bin Daud Wakil Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan
		Tuan Haji Shaari bin Yusof Wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
		Puan Jamilah binti Mohamed Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan
		Tuan Haji Arzmi bin Mansor Wakil Hospital Kuala Lumpur
		Wakil Ibu Pejabat Kontingen Wilayah Persekutuan
		Wakil Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
		Cik Habsah binti Othman
3.	Bendahari Kehomat	Tuan Haji Abdul Halid bin Sintol Ketua Penolong Pengarah Bahagian Baitulmal
4.	Setiausaha	Encik Ahmad Talmizi bin Yahaya Pengetua Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam Dar As-Saadah

AKTIVITI

NO.	TARIKH	PERKARA	TEMPAT
1.	10 Februari 2006	Mesyuarat Jawatankuasa Darul Kifayah Bil. 1/2006	Bilik Mesyuarat, Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Kuala Lumpur.
2.	27 Februari 2006	Mesyuarat Jawatankuasa Dar As-Saadah Bil. 1/2006	Bilik Mesyuarat, Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam Dar As-Saadah, Kuala Lumpur
3.	18-19 Mei 2006	Bengkel Halatuju Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam Dar As-Saadah	Hotel Putra KL, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

KURSUS MOTIVASI BINA INSAN JIWA MERDEKA



INFORMASI



“Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu kerja maka dia melakukannya dengan penuh ketelitian dan dengan sebaik-baiknya.”

(Hadis Riwayat al-Baihaqi)

INFORMASI

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

1. Bantuan Kewangan Bulanan
2. Bantuan Dermasiswa
3. Bantuan Perniagaan
4. Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
5. Bantuan Membina / Membaiki Rumah & Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
6. Bantuan Tambang Dalam / Luar Negeri (Ibnu-Sabil)
7. Bantuan Kecemasan
8. Bantuan Al-Riqab
9. Bantuan Am Pelajaran IPT
10. Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)
11. Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan & Institusi Pendidikan
12. Bantuan Ramadhan
13. Bantuan Perubatan
14. Bantuan Perkahwinan
15. Bantuan Deposit Sewa Rumah & Sewa Rumah Bulanan
16. Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
17. Bantuan Musibah
18. Biasiswa Baitulmal
19. Bantuan Peralatan & Kecemasan Persekolahan
20. Bantuan Tuisyen
21. Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
22. Bantuan Pertanian
23. Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah
24. Bantuan Deposit Membeli Motorsikal Roda Tiga Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)
25. Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI
26. Bantuan Guaman Syarie

SYARAT UMUM PENERIMA BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

- ❁ Beragama Islam
- ❁ Warganegara Malaysia.
- ❁ Menetap di Wilayah Persekutuan minimum selama satu tahun.



PENGIRAAN HAD AL-KIFAYAH

KADAR HAD AL-KIFAYAH (LAMA)

KEPERLUAN ASASI	KETUA KELUARGA (RM)	DEWASA (RM)	DEWASA (a) (RM)	KANAK-KANAK (a) (RM)	KANAK-KANAK (b) (RM)	KANAK-KANAK (c) (RM)
Perlindungan	250	-	-	-	-	-
Makanan	81	81	81	54	54	54
Pakaian	20	20	20	10	10	10
Perubatan	15	15	15	15	15	15
Pelajaran	-	-	40	40	20	-
Pengangkutan	54	-	54	30	30	-
JUMLAH	420	116	210	149	129	79

KADAR HAD AL-KIFAYAH (BARU)

KEPERLUAN ASASI	KETUA KELUARGA (RM)	DEWASA (RM)	DEWASA (a) (RM)	KANAK-KANAK (a) (RM)	KANAK-KANAK (b) (RM)	KANAK-KANAK (c) (RM)
Perlindungan	300	-	-	-	-	-
Makanan	90	90	90	60	60	60
Pakaian	20	20	20	10	10	10
Perubatan	17	17	17	17	17	17
Pelajaran	-	-	44	44	22	-
Pengangkutan	62	-	62	35	35	-
JUMLAH	489	127	233	166	144	87

Dewasa- berumur 15 tahun ke atas

(a)- Bersekolah

(b) – Bersekolah tadika

(c) – Bersekolah tadika

TAKRIF ASNAF

FAKIR

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50% daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50% daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.

MISKIN

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasnya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya.

AMIL

Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.

MUALLAF

Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu:

- a) Beragama Islam
 - ❁ *Baru memeluk agama Islam*
 - ❁ *Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya*
 - ❁ *Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya*
 - ❁ *Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam*
- b) Bukan beragama Islam
 - ❁ *Boleh dipujuk supaya masuk Islam*
 - ❁ *Boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam*

AL-RIQAB

Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

AL-GHARIMIN

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

FISABILILLAH

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

IBNU SABIL

Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh hukum syarak dari mana-mana jua negeri atau negara yang memerlukan bantuan.

PROJEK PEMBANGUNAN MAIWP

BANGUNAN DARUZZAKAH

Bangunan ini dibina di Lorong Haji Hussein 2, Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. Kos pembinaan bangunan ini adalah sebanyak RM6 juta dan ianya siap dibina pada tahun 1992. Sebahagian bangunan ini telah dijadikan sebagai pejabat MAIWP dan sebahagian lagi disewakan kepada PPZ MAIWP.

KOMPLEKS ANAK YATIM DARUL KIFAYAH

Kompleks ini terletak di Kampung Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Ianya menempatkan anak-yatim yang tinggal di Wilayah Persekutuan dan juga di luar Wilayah Persekutuan. Pembinaan Kompleks ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama telah siap dibina pada tahun 1993 dengan kos sebanyak RM2 juta. Manakala fasa kedua yang melibatkan pembinaan rumah kakitangan dan dewan di Kompleks ini telah siap dibina pada akhir tahun 2003 dengan kos sebanyak RM2.5 juta. Pembinaan fasa kedua ini bertujuan menyediakan penempatan yang selesa kepada kakitangan dan membolehkan penghuni menjalankan program-programnya dengan teratur. Kompleks ini mampu menempatkan seramai 150 orang penghuni.

BANGUNAN INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL (IKB)

Bangunan ini dibina di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kos pembinaannya adalah sebanyak RM3 juta. Ianya telah siap dibina pada tahun 1990 dan digunakan untuk menempatkan pelajar-pelajar kursus kemahiran.

KAMPUS INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL (IPB)

Bangunan ini dibina bersebelahan dengan IKB di kawasan seluas 2 ½ ekar. Pembinaan kampus ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama siap dibina pada 1996 dan menelan kos sebanyak RM15.8 juta. Manakala fasa kedua telah siap dibina pada tahun 1997 dengan kos sebanyak RM13 juta. Di dalam fasa ini, terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Bangunan ini telah disewakan kepada IPB dengan kadar RM0.11 juta setahun.

TAMAN PERUMAHAN PELANGI JAYA

Taman perumahan yang mengandungi 187 unit rumah teres 2 tingkat dan 13 unit rumah kedai ini dibina bersebelahan dengan Lebuhraya Karak / Kuala Lumpur dan telah siap dibina pada tahun 1996. Projek pembinaan ini merupakan projek usaha sama di mana MAIWP memperolehi 32 unit rumah teres dan 12 unit rumah kedai.



KOMPLEKS KEBAJIKAN MASYARAKAT ISLAM DAR AS-SAADAH

Kompleks ini dibina di Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Batu Caves dengan kos sebanyak RM15 juta. Kompleks ini telah siap dibina pada awal tahun 1999 dan mampu menempatkan sehingga 200 orang penghuni. Di sini juga terdapat sebuah dewan yang mampu menampung sehingga 500 orang. Kompleks ini menempatkan keluarga yang bermasalah, gadis-gadis yang mempunyai masalah akhlak, orang-orang tua yang diabaikan dan saudara baru yang tiada tempat tinggal.

KOMPLEKS HOSPITAL PUSRAWI DAN HOTEL PUTRA KL

Projek ini merupakan projek terbaru MAIWP yang mana ianya telah siap dibina pada penghujung tahun 2005. Bangunan Hotel Putra KL dan Hospital PUSRAWI ini dibina di atas Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Jantung Negara (IJN). Hotel yang dibina akan dapat dijadikan tempat penginapan bukan sahaja kepada waris pesakit Hospital PUSRAWI malah kepada waris pesakit yang mendapatkan rawatan di IJN.



HARTANAH WAKAF MILIK MAIWP

BIL.	JENIS HARTA WAKAF	ALAMAT	KELUASAN (K.P)
1.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 2A, Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur	5,724
2.	Rumah kediaman (disewakan)	Jalan Tun Razak, Off Jalan Semarak, 50400 Kuala Lumpur	1,669
3.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 106, Jalan H16 Fasa 5, Taman Melawati, Ulu Klang Selangor	3,387
4.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 105, Jalan H16 Fasa 5, Taman Melawati, Ulu Klang Selangor	1,260
5.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 1, Tingkat 4, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur	923
6.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 151, Persiaran Pelangi, Taman Pelangi Jaya, 51200 Kuala Lumpur	1,040
7.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 153, Persiaran Pelangi, Taman Pelangi Jaya, 51200 Kuala Lumpur	1,040
8.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 155, Persiaran Pelangi, Taman Pelangi Jaya, 51200 Kuala Lumpur	1,040
9.	Rumah kediaman (disewakan)	No. 23 – 00 – 22, Fasa 3, Bandar Baru Sentul, 51000 Kuala Lumpur	758,000
10.	Lot kedai (disewakan)	Tingkat 2, Bangunan Pertama Kompleks, Jalan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur	410
11.	Tanah Kosong (disewakan)	Lot 168 & 169 Jalan Perak, Kuala Lumpur	28,641(Lot 168) 24,176(Lot 169)



SYARIKAT-SYARIKAT MAIWP

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.

Taraf	: Syarikat Sdn. Bhd.
Ditubuhkan	: 10 Januari 1984
Modal berbayar	: RM9.96 juta
Ekuiti MAIWP	: 99.6 %
Aktiviti	: Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan
Ibu Pejabat	: Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-2687 5000
Laman Web	: www.pusrawi.com.my

HARTASUCI SDN. BHD

[DIKENALI SEBAGAI PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (PPZ) MAIWP]

Taraf	: Syarikat Sdn. Bhd.
Ditubuhkan	: 17 Nov 1989
Modal berbayar	: RM1 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya
Ibu Pejabat	: Tingkat 1, Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein 2, 50676 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-2693 6699
Laman Web	: www.zakat.com.my

INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.

Taraf	: Syarikat Sdn. Bhd.
Ditubuhkan	: 23 April 1992
Modal berbayar	: RM3.5 juta
Ekuiti MAIWP	: 70%
Aktiviti	: Mengendalikan kursus-kursus profesional yang diluluskan Kementerian Pendidikan
Ibu Pejabat	: Institut Profesional Baitulmal, Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-9281 4054
Laman Web	: www.ipb.edu.my

ANGGUN MULIA SDN. BHD

(DIKENALI SEBAGAI KOLEJ KEJURURAWATAN PUSRAWI)

Taraf	: Syarikat Sdn. Bhd.
Ditubuhkan	: 19 Mei 2003
Modal Berbayar	: RM0.2 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah IPTS yang menjurus kepada bidang kejururawatan
Ibu Pejabat	: Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji, 28 Jalan Rahmat, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-4045 3876

SENARAI MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2006 YANG DIURUSKAN OLEH MAIWP MELALUI JAWI

NO.	NAMA MASJID
1.	Masjid Anas bin Malik, Kampung Selayang Lama, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.
2.	Masjid Abu Hurairah, Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
3.	Masjid Saidina Hamzah, Kampung Batu Muda, Batu 4½, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
4.	Masjid Al-Firdaus, Segambut Luar, 52100 Kuala Lumpur.
5.	Masjid Al-Ubudiah, Segambut Dalam, 51200 Kuala Lumpur.
6.	Masjid Al-Imam Al-Ghazali, Bandar Menjalara, Kepong, 52100 Kuala Lumpur.
7.	Masjid Az-Zakirin, Taman Wilayah Selayang, 68100 Kuala Lumpur.
8.	Masjid Al-Qurtubi, Taman Sri Segambut, 51200 Kuala Lumpur.
9.	Masjid Jamek Saad bin Abi Waqqas, Batu 4, Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.
10.	Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar, Sentul, 51000 Kuala Lumpur.
11.	Masjid Saidina Ali K.W, Kampung Padang Balang, Sentul, 51000 Kuala Lumpur.
12.	Masjid Zaid bin Haritsah, KM 8, Jalan Gombak, 51000 Kuala Lumpur.
13.	Masjid Jamek Jalan Haji Salleh, Sentul, 51100 Kuala Lumpur.
14.	Masjid Amru bin Al-'Ass, Bandar Baru Sentul, 51000 Kuala Lumpur.
15.	Masjid Salehuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, 53100 Kuala Lumpur.
16.	Masjid Jamek Kampung Baru, Jalan Raja Alang, 50300 Kuala Lumpur.
17.	Masjid Jamek Bandaraya, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.
18.	Masjid Jamek Pakistan, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur.
19.	Masjid Bukit Aman, Jalan Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur.
20.	Masjid Jamek Alam Shah, Jalan Tun Razak, 55100 Kuala Lumpur.
21.	Masjid Imam Ash-Shafie, Jalan Perkasa, Taman Maluri, 55100 Kuala Lumpur.
22.	Masjid India, Jalan Melayu, 50100 Kuala Lumpur.
23.	Masjid Asy-Syakirin, Menara Berkembar Petronas, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur.
24.	Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.
25.	Masjid Al-Akram, Kampung Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.
26.	Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Jalan 1/26, Taman Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur.
27.	Masjid Solehin Polis Depoh, Jalan Semarak, 54100 Kuala Lumpur.
28.	Masjid Muadz bin Jabbal, Persiaran Setiawangsa, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur.
29.	Masjid Khalid bin Al-Walid, Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.
30.	Masjid Jameul Ehsan, Jalan Pahang, Pekan Setapak, 53000 Kuala Lumpur.
31.	Masjid Al-Muttaqin, Jalan Wangsa Melawati 6, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur.
32.	Masjid Az-Zubair Ibn Awwam, KM 6, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur.
33.	Masjid Saidina Othman Ibn Affan, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur.
34.	Masjid Jamek Sungai Besi, Pekan Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur.
35.	Masjid Abdur Rahman bin 'Auf, Batu 5½ Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.

NO.	NAMA MASJID
36.	Masjid Jamek Bandar Baru Sri Petaling, Jalan Radin, Bandar Baru Sri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.
37.	Masjid Al-Muhsinin, Lot 52316, Jalan Desa Bakti, Taman Desa, Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur.
38.	Masjid Al-Khasyi'in, Taman Desa Petaling, 57100 Kuala Lumpur.
39.	Masjid Al-Muqarrabin, Jalan Liku Tasek Selatan, Bandar Tasek Selatan, 57100 Kuala Lumpur.
40.	Masjid Jamek Petaling, Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.
41.	Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Jalan Ara Bangsar, 59000 Kuala Lumpur.
42.	Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur.
43.	Masjid Al-Khadijah, Jalan Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur.
44.	Masjid At-Taqwa, Jalan Datuk Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur.
45.	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Jalan Setiabudi, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
46.	Masjid Al-Ghufran, No. 6C, Jalan 4/71B, Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur.
47.	Masjid Jamek Tengku Abdul Aziz Shah, Sungai Penchala, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur.
48.	Masjid Al-Ikhlasih, Kampung Kerinchi, Jalan Pantai Permai 7, Off Jalan Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur.
49.	Masjid Jamek An-Nur, Peti Surat 82197, 87029 Labuan.
50.	Masjid Al-Muttaqin Taman IOFC, Kampung Kerupang II, 87000 Labuan.
51.	Masjid Jamek Layang-Layangan, Peti Surat 81896, 87028 Labuan.
52.	Masjid Jamek Adam, Kampung Lajau, 87000 Labuan.
53.	Masjid Bebuloh, Kampung Bebuloh Darat, 87000 Labuan.
54.	Masjid Nurul Iman, Jalan Nenuloh, Kampung Sungai Bedaun, Peti Surat 80812, 80712 Labuan.
55.	Masjid Al-Fallah, Jalan Mohd Salleh, Kampung Bukit Kalam, 87000 Labuan.
56.	Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak, Peti Surat 80693, 87012 Labuan.
57.	Masjid Ranca-Ranca Darat, RR 0406, Kampung Ranca-Ranca, 87000 Labuan.
58.	Masjid Al-Muzakirullah, Jalan Tanjung Kubong, Kampung Lubok Temiang, 87000 Labuan.
59.	Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, 87000 Labuan.
60.	Masjid Sirajul Islam, Kampung Tanjung Aru, 87000 Labuan.

*Senarai di atas tidak termasuk Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Masjid Negara, Jalan Perdana dan Masjid Putra, Putrajaya yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**KESALAHAN-KESALAHAN YANG KERAP DILAKUKAN DI BAWAH AKTA
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN) 1984 [AKTA 303]**


NO.	KESALAHAN	SEKSYEN	HUKUMAN
1.	Tidak hadir di hadapan Pendaftar Nikah dalam masa yang ditetapkan	35	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
2.	Perlanggaran terhadap seksyen 32	36	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
3.	Gangguan terhadap perkahwinan	37	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
4.	Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan	38	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
5.	Akadnikah perkahwinan yang tidak dibenarkan	39	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
6.	Kesalahan-kesalahan berhubungan dengan akadnikah perkahwinan	40 (1)(2)	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
7.	Poligami tanpa kebenaran Mahkamah	123	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
8.	Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah	124	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
9.	Tidak membuat laporan	125	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
10.	Percubaan dan subahat	133	Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya

**KESALAHAN-KESALAHAN YANG KERAP DILAKUKAN DI BAWAH AKTA
KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997 [AKTA 559]**

NO.	KESALAHAN	SEKSYEN	HUKUMAN
1.	Pemujaan salah	3	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
2.	Ajaran palsu	4	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau sebat 6 kali atau mana-mana kombinasi di atas
3.	Menghina Islam	7	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
4.	Menghina / mengingkari pihak berkuasa agama	9	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
5.	Mengingkari perintah mahkamah	10	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
6.	Mengajar agama tanpa tauliah	11	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
7.	Tidak menghormati Ramadhan	15	(a) Denda RM1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama (b) Denda RM2,000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan seterusnya
8.	Berjudi	18	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
9.	(1) Minum minuman yang memabukkan (2) Membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli minuman yang memabukkan	19	(1) Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya (2) Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
10.	Sumbang mahram	20	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau sebat 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu
11.	Pelacuran	21	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau sebat 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu
12.	Persetubuhan luar nikah	23	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau sebat 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu
13.	Khalwat	27	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
14.	Lelaki berlagak seperti perempuan	28	Denda RM1,000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya

NO.	KESALAHAN	SEKSYEN	HUKUMAN
15.	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	29	Denda RM 1,000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya
16.	Memberi keterangan, maklumat atau pernyataan palsu	30	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
17.	Menggalakkan maksiat	35	Denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
18.	Menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam	40	Denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
19.	Percubaan melakukan kesalahan	47 (1)	Dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu

STATISTIK




“Katakanlah: Sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula).”


(Surah al-Kahfi: Ayat 109)



STATISTIK


CARTA 1: PECAHAN PENDAPATAN MAIWP 2006



CARTA 2: PECAHAN PERBELANJAAN MAIWP 2006



CARTA 3: PENDAPATAN MAIWP 2002-2006**CARTA 4: PERBELANJAAN MAIWP 2002-2006**

**CARTA 5: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
ZAKAT MAIWP 2002-2006****CARTA 6: AGIHAN ZAKAT MAIWP MENGIKUT
ASNAF 2002-2006**

TAHUN ASNAF	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM) (Selepas Pelarasan)	2006 (RM)	JUMLAH (RM)
Fakir	6,509,203	9,379,106	11,734,327	10,923,732	14,751,940	53,298,308
Miskin	8,345,226	9,849,307	11,492,632	12,659,567	13,687,577	56,034,309
Amil	12,695,504	15,491,834	17,818,827	10,607,044	12,074,597	68,687,806
Muallaf	1,669,471	1,357,537	1,824,095	2,310,647	3,125,697	10,287,447
Al-Gharimin	297,736	402,716	539,871	612,467	1,399,151	3,251,941
Ibnu Sabil	121,864	99,514	135,807	165,512	341,103	863,800
Fisabilillah	17,258,411	19,712,614	26,931,277	23,044,944	34,067,400	121,014,646
Ar-Riqab	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	46,897,415	56,292,628	70,476,836	60,323,913	79,447,465	313,438,257

RENTETAN PERISTIWA



"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."

(Surah Al-Alaq: Ayat 1 hingga 5)

RENTETAN PERISTIWA 2006

PERISTIWA PENTING MAIWP SEPANJANG 2006

1-3 MAC 2006

Bengkel Tatacara Kewangan, MAIWP 2006

2 MAC 2006

Lawatan ke Majlis Agama Islam Selangor

23 MAC 2006

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIWP 2003 Dan 2004.

29-30 MAC 2006

Majlis Perasmian dan Hari Pendaftaran Terbuka Bantuan Baitulmal MAIWP 2006



6 JUN 2006

Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli MAIWP Penggal 2006-2009

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-95

17-19 JULAI 2006

Bengkel Penilaian Skim-Skim Bantuan Baitulmal

28 JULAI 2006

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-96

8-10 OGOS 2006

Pembentangan Belanjawan MAIWP 2007



15 OGOS 2006

Majlis Penyerahan Sumbangan MAIWP Kepada Agensi-Agensi Kebajikan

21 OGOS 2006

Majlis Penyampaian Pengagihan Wang Amanah Fidyah Kepada Penerima Bantuan di Labuan

26 OGOS 2006- 8 SEPTEMBER 2006

Rombongan Menunaikan Umrah bagi Penerima-penerima Skim Insentif Umrah MAIWP

29 OGOS 2006

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIWP 2005

28 SEPTEMBER 2006

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-97

2-6 OKTOBER 2006

Sesi temuduga bagi pengambilan pelatih baru sesi 2007/2008 Institut Kemahiran Baitulmal

5, 6 & 10 OKTOBER 2006

Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada Pesakit Hospital Kuala Lumpur, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Perubatan Universiti Malaya



7 NOVEMBER 2006

Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada Penerima Bantuan Kewangan Bulanan Baitulmal MAIWP di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

11 NOVEMBER 2006

Majlis Akad Nikah Secara Beramai-ramai dan Meraikan Pasangan Pengantin Secara Berkelompok di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur



14-30 NOVEMBER 2007

Sesi temuduga bagi pengambilan pelatih baru sesi 2007/2008 Institut Kemahiran Baitulmal di zon Utara, Selatan dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

8 DISEMBER 2006

Perasmian Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

12 DISEMBER 2006

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Mahasiswa / Pelajar Cemerlang dan Penyampaian Biasiswa Baitulmal, MAIWP



11 DISEMBER 2006

Majlis Menandatangani Perjanjian Istisna' Pembangunan Tanah Waqaf di antara Lembaga Tabung Haji dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Perjanjian Istisna' dan Wakalah di antara Lembaga Tabung Haji dengan TH Technologies Sdn. Bhd.

27 DISEMBER 2006

Majlis Menandatangani Usahasama Pembangunan Tanah MAIWP:

- a) Lot 51777, Bukit Damansara, Damansara
- b) Lot 55331, Mukim Batu, Mont Kiara
- c) Lot PT 1123, Kampung Pasir Wardieburn, Mukim Setapak, Setapak.

KERATAN
AKHBAR

Baitulmal

perkenal sembilan lagi skim penerima zakat

HIDUP ini tidak semuanya indah. Adakalanya kita dikumiakan rezeki yang melimpah ruah dan hidup senang lenang. Bagaimanapun, jangan kita lupa kepada mereka yang kurang bemasib baik terutama sewaktu menyambut Aidilfitri yang baru lalu.

Salah satu organisasi yang ditubuhkan khusus untuk membantu golongan ini ialah Baitulmal yang diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).


Baru-baru ini, seramai 350 daripada golongan itu diraikan oleh MAIWP pada majlis sambutan Aidilfitri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Pada majlis itu, MAIWP menyampaikan sumbangan hari raya berupa beras, wang zakat dan satu persalinan pakaian untuk setiap keluarga.

Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan merangkap Setiausaha Baitulmal, Datuk Che Mat Che Ali berkata, mulai tahun ini MAIWP memperkenalkan sembilan lagi skim bantuan baru dari Baitulmal, di samping 17 skim sedia ada.

"Skim-skim baru ini diperkenalkan bagi menambah lagi bilangan penerima bantuan zakat dan meluaskan skop penerima bantuan untuk golongan sasaran," katanya.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Tujuh skim baru itu ialah bantuan biasiswa belajar cemerlang, bantuan peralatan dan kecemasan persekolahan, bantuan tuisyen, bantuan galakkan hafaz al-Quran, bantuan pertanian, deposit van dan bas sekolah.



MUSTAFA Abdul Rahman (kanan) bersama Che Mat Che Ali (kiri) menyerahkan cek bernilai RM70,000 kepada wakil penerima sumbangan Mat Ali Omar pada majlis Sambutan Hari Raya Penerima Bantuan Baitulmal MAIWP, baru-baru ini.

Bantuan lain ialah membeli motosikal roda tiga untuk orang kurang upaya, bantuan pelajaran kolej kejururawatan Pusrawi dan bantuan guaman syarie.

Menurut Che Mat, skim-skim bantuan Baitulmal itu hanya ditawarkan kepada golongan penerima yang melalui tapisan rapi oleh MAIWP dan beberapa agensi berkaitan yang lain.

Setiap permohonan yang diterima akan melalui proses tapisan yang agak lama bagi memastikan hanya warga negara sejati Malaysia dan yang benar-benar layak sahaja disenarai.

Penyelamat

Rata-rata penerima sumbangan dari institusi berkenaan menyifatkan Baitul-

mal sebagai penyelamat untuk meredakan bebanan berikutan taraf hidup yang terus meningkat sekarang.

"Saya terpaksa memohon bantuan Baitulmal kerana tanggungan keluarga yang besar," kata Mohd Zailani Abu Bakar, 32.

Bapa kepada kepada tujuh anak yang berusia antara satu setengah tahun hingga 11 tahun ini bagaimanapun baru sebulan lalu menerima bantuan Baitulmal.

"Saya tidak ada pilihan, gaji RM750 sebulan untuk menampung isteri dengan empat anak bersekolah terlalu berat bagi saya," katanya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Menurutnya, dengan bantuan

192 pengantin dirai akad nikah terbesar

KUALA LUMPUR 11 Nov.

Sebanyak 192 pasangan pengantin baru yang menerima bantuan Skim Bantuan Perkahwinan dinikah dan diraikan dalam satu majlis, sekali gus mencipta rekod *Malaysia Book of Record* (MBOR) sebagai upacara akad nikah terbesar.

Majlis perkahwinan anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta itu, memerlukan 73 juru-nikah bagi menikahkan kesemua pasangan

pengantin berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin merangkap Pengerusi MAIWP berkata, program itu bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan memberi sokongan serta motivasi kepada beliau supaya memilih gaya hidup sihat dengan memiliki pasangan hidup yang sah di sisi syarak.

Menurut beliau, ia juga bertujuan menggalakkan masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan mendirikan rumah tangga dan tidak memilih untuk

hidup membujang.

"Program tahun ini lebih meriah berbanding tahun lalu kerana kita menikah dan meraikan pengantin dalam satu majlis yang sama.

Jumlah pasangan pengantin juga bertambah kepada 192 pasangan berbanding 106 pasangan tahun lalu," katanya pada Program Akad Nikah dan Majlis Meraikan Pasangan Pengantin Secara Beramai-ramai, di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Pu-

tra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenaan hadir untuk memeriahkan majlis tersebut.

Pada majlis sama, MBOR melalui wakilnya, Faridah Hanim Abdul Rashid mengumumkan pengiktirafan catatan rekod majlis tersebut.

Abdullah dalam ucapannya berkata, di bawah skim tersebut, Baitulmal memperuntukkan RM3,000 hingga RM5,000 setiap orang sebagai bantuan, selain sepersalinan pakaian pengantin.



ZUBAIDAH HUSAIN

RM200 sebulan dari Baitulmal yang mula diterima sejak Oktober lalu di samping kerja lebih masa empat jam setiap hari dapat meringankan sedikit beban kewangannya.

Bagi Md. Nazri Nathan, 53, yang cacat penglihatan dan hanya mengharapkan upah dari kerja-kerja mengurus, hidup beliau sekeluarga kini memang bergantung kepada kerajaan.


"Selain bantuan Baitulmal, saya juga dapat bantuan bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat," katanya.

Menurutnya, dengan bantuan bulanan kerajaan itu dia dapat menyekolahkan kedua-dua anaknya.

"Saya suami isteri sama-sama buta. Kalau nak harapkan upah mengurus, alamat anak-anak saya tidak sekolahlah," katanya.

Sementara itu, pasangan Zubaidah Husain, 42, dan suaminya Husain Deen Abdul Rahman, 42, pula berkata, mereka disenarai sebagai penerima bantuan Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana pendapatan kecil.

"Saya tidak kerja kerana menjaga anak yang cacat dan suami hanya bekerja sebagai pembantu restoran," cerita Zubaidah yang menerima bantuan Baitulmal sejak dua tahun lalu.



TUANKU Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan bergambar bersama pengantin yang berkahwin secara beramai-ramai di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, semalam.

UTUSAN MALAYSIA 28/9/06 Sekolah Menengah Agama Asrama Penuh di WP 2007

KUALA LUMPUR 27 Sept. – Konsep Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh, yang pertama seumpamanya di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur akan bermula pada sesi baru persekolahan tahun depan bagi menampung keperluan pelajar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin.

Beliau berkata, sebagai pengenalan dan langkah sementara, operasi sekolah agama berasrama penuh itu hanya melibatkan kumpulan kecil pelajar tingkatan satu dan empat sahaja, melibatkan hanya enam buah kelas.

"Buat permulaan, kita akan pinjam mana-mana sekolah agama yang boleh menampung peringkat permulaan ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majlis silaturrahim bersama anggota jawatankuasa kariah masjid dan surau WP di Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Taman Sri Rampai, Setapak Jaya, di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique, yang juga adalah antara pencadang kepada pembentukan sekolah agama berasrama penuh dengan kerjasama Jabatan Agama Islam

Wilayah Persekutuan (Jawi).

Dr. Abdullah berkata, bagi menjayakan rancangan itu, pihaknya akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi pembangunan dan penyediaan kemudahan.

Beliau berkata, pihaknya dalam tempoh itu juga akan mencari tapak tetap bagi membina sekolah agama berasrama penuh yang diperlukan, melibatkan kos sebanyak RM10 juta.

Pada majlis itu, Dr. Abdullah yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut mengumumkan bantuan kesekeluruhan Baitulmal MAIWP tahun ini berjumlah RM6.1 juta untuk kegunaan dan keperluan masjid dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan (KL, Labuan dan Putrajaya).

Ini termasuklah untuk program-program khusus pada bulan Ramadan seperti ihya' Ramadan, khatam al-Quran dan sambutan Nuzul al-Quran, katanya.

Katanya, MAIWP juga memperuntukkan kira-kira RM2 juta sebagai pemberian tambahan suguhati kepada kira-kira 600 imam, pembantu bilal dan Noja bagi seluruh masjid dan surau di Wilayah Persekutuan, bermula Januari 2006.

— Bernama



DR. Abdullah Md. Zin (lima dari kiri) dan Zulhasnan Rafique beramah mesra dengan imam dan bilal selepas perasmian majlis silaturrahim bersama anggota jawatankuasa kariah masjid dan surau WP di Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Taman Sri Rampai, Setapak Jaya, Kuala Lumpur, semalam.



PENDIDIKAN AGAMA: Imam Satu Masjid Al-Muttaqin, Taman Wangsa Melawati, Mohamad Sahlan mengetuai bacaan khatam al-Quran semalam.

MAIWP utama pelajar dapat keputusan UPSR 4A, 5A

KUALA LUMPUR: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memberi keutamaan kepada murid yang memperoleh keputusan 4A dan 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) serta cemerlang dalam peperiksaan Sekolah Rendah Agama (SRA) memasuki sekolah menengah agama milik majlis agama itu.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali, berkata tindakan itu bagi menjamin murid cemerlang dalam kedua-dua bidang akademik dan agama dapat diserap ke sekolah menengah agama yang akan memulakan sesi pengajiannya awal tahun depan.

"Cemerlang dalam bidang akademik semata-mata tidak mencukupi kerana mereka juga perlu cemerlang dalam pendidikan agama bagi melayakkan mereka ke sekolah menengah agama," katanya.

Beliau berkata demikian pada penutup Majlis Khatam al-Quran Perdana Seko-

lah-Sekolah Rendah Agama Zon Keramat anjuran Sekolah-Sekolah Rendah Agama Zon Keramat di Masjid Al-Muttaqin, Taman Wangsa Melawati di sini, semalam.

Pada majlis itu, 350 murid membabitkan 14 SRA Zon Keramat mengadakan majlis khatam al-Quran kali kedua.

Che Mat berkata, iklan mengenai kemasukan pelajar kumpulan pertama membabitkan 210 pelajar ke sekolah menengah agama anjuran MAIWP akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat ini.

"Iklan kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh ini akan mula dibuka pada akhir November, manakala sesi temu duga pelajar dilakukan pada Disember sebelum sesi persekolahan bermula tahun depan.

"Pelajar yang dipilih akan diberi biasiswa yang belum ditentukan jumlahnya, diberi bantuan lain seperti kelengkapan sekolah termasuk pakaian sekolah. Kita akan membiayai semuanya," katanya.

Pentadbiran Jawi, MAIWP diasingkan

Syor pengasingan tugas ke Pejabat Peguam Negara

Oleh Azman Mahmood

KUALA LUMPUR: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang kini di bawah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (Jawi) akan diasingkan dan mempunyai kuasa pentadbirannya sendiri.

Sehubungan itu, Akta 505 Parlimen menjadikan MAIWP entiti berasingan dan mempunyai pentadbiran sendiri perlu dipinda dan mendapat kelulusan Parlimen.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata pengasingan itu juga supaya kedudukan MAIWP seragam dengan majlis agama Islam di negeri lain yang melaksanakan pentadbiran berasingan dengan Jabatan Agama Islam.

Katanya, menerusi pengasingan itu, MAIWP lebih fokus terhadap bidang tugasnya dan mempunyai kuasa seperti mengeluarkan tauiah imam, melantik hakim mahkamah syarie, mengurus pelaburan majlis agama, zakat serta anak syarikat di bawahnya.

Beliau berkata, Jawi pula akan fokus kepada bidang tugasnya antara lain membatik kuasa pendakwaan, penguat kuasa, dakwah, pelajaran dan urusan berkaitan perkahwinan.

"Cadangan mengasingkan struktur pentadbiran MAIWP daripada Jawi sudah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara dan sedang dikaji pihak berkaitan.

"Kita harap Rang Undang-Undang Pentadbiran MAIWP dapat dibentangkan di Parlimen tahun ini dan menjadi entiti agama yang berasingan daripada Jawi tahun depan," katanya kepada pemberita selepas majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2005 MAIWP di Hotel Grand Season di sini, semalam.

Seramai 24 kakitangan MAIWP menerima anugerah cemerlang, manakala 37 orang menerima sijil penghargaan, disampaikan Abdullah. Hadir sama, Pengarah Jawi, Datuk Che Mat Che Ali.

Ketika ini Pengarah Jawi menjadi Setiausaha MAIWP yang turut bertanggungjawab men-

jalankan pengurusan dan pentadbirannya.

Abdullah berkata, walaupun agak lewat mengasingkan MAIWP berbanding negeri lain, ia bukan halangan untuk melihat MAIWP melaksanakan tanggungjawab mengikut bidang kuasanya sendiri.

Katanya, pengasingan itu juga perlu kerana tanggungjawab Pengarah Jawi sebagai Setiausaha MAIWP makin berat dan apabila diasingkan sudah pasti dapat meningkatkan perkhidmatan dan pengurusan jabatan masing-masing.

Sementara itu, ketika ditanya ulama Arab Saudi melarang azan dan bacaan ayat suci al-Quran dijadikan nada dering telefon bimbit, beliau berkata, dari satu sudut ia baik kerana mengingatkan umat Islam terhadap solat dan agama.

Katanya, perkara perlu difahami umat Islam hendaklah menghormati azan dan bacaan ayat suci al-Quran dengan cara tidak membawa telefon bimbit ke tempat tidak sesuai jika menggunakan nada dering seperti itu.

"Kalau nak masuk tandas pun dengan membawa telefon bimbit takkan tak boleh matikan bunyi.

"Jadi, kita (umat Islam) perlu tahu penggunaannya, menghormati azan dan bacaan ayat al-Quran. Janganlah dibiarkan berbunyi ketika berada dalam tandas atau tempat hiburan yang boleh merendahkan martabat Islam," katanya.

“Jawi pula akan fokus kepada bidang tugasnya antara lain membabitkan kuasa pendakwaan, penguat kuasa, dakwah, pelajaran dan urusan berkaitan perkahwinan”

Dr Abdullah Md Zin
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



B.H. 16-8-2006, Nasionat M-S-4.

مجلس اگام اسلام ولايه فرسكنوان

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, 50519 Kuala Lumpur

PERMOHONAN BIASISWA BAITULMAL

(INSENTIF KHAS PELAJAR CEMERLANG)

MAIWP SESI 2006/2007

1. Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan.
2. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang AZ - 03- 02 (1) yang boleh dimuat turun melalui laman web: <http://www.jawi.gov.my> mulai **16 Ogos 2006**.
3. Tarikh tutup permohonan pada **25 Ogos 2006**.
4. Maklumat lanjut mengenai program / bidang kursus, syarat-syarat permohonan dan cara memohon boleh diperolehi dengan melayari laman web di atas.
5. Pertanyaan mengenai biasiswa ini boleh dibuat pada setiap hari bekerja dengan menghubungi talian 03-22749333, 03-22740007, 03-22740006 sambungan 515 atau 330.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Ibu Pejabat :

Lot 132 - 138, Wisma Baitulmal,
Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur